**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR**
**BILANGAN 3/1977**

==========================================================

**WANG PERTARUHAN (BOND) DAN JAMINAN KE ATAS SURATAN PERJANJIAN MENGENAI TANAH YANG DIKELUARKAN SIJIL GALIAN**

-----------------------------------------------------------------------------------------

Majlis Mesyuarat Kerajaan Selangor di dalam persidangannya pada 9/12/1976 telah membuat keputusan seperti berikut:-

(i) Pembayaran “bond-bond” bagi syarat menimbus dan merata adalah mengikut apa-apa syor yang dikemukakan oleh Merinyu Kanan Galian dan mengikut keadaan sesuatu tempat yang dipohon.

(ii) Pembayaran “bond-bond” untuk mencegah setinggan adalah mengikut apa-apa syor yang dikemukakan oleh Merinyu Kanan Galian dan mengikut keadaan sesuatu tempat yang dipohon.

(iii) Jaminan bagi (i) dan (ii) di atas adalah cara susunan berikut:-

a) Wang Tunai.

b) Bank Guarantee.

c) Ikatan harta sendiri iaitu “personal bond”. Tanah ini hendaklah di “caveat”.

d) 2 orang penjamin. Tanah yang berkaitan hendaklah di ‘caveat’.

2. Berkenaan denan perenggan 1 (ii) di atas formula yang dipersetujui sebagai asas pembayaran nanti RM2000/- bagi sebuah rumah setinggan.

3. Pemungut-pemungut hendaklah patuh dengan arahan ini.

t.t.
**(HAJI SULAIMAN BIN MOHD DON)**
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

PTG.SEL. 1917(22)

KUALA LUMPUR
26HB April 1977